

SOALAN NO : 372

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Bertulis

DARIPADA : Dr. Ong Kian Ming [Serdang]

SOALAN : Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan jumlah kuota pengimportan susu lembu dan daging lembu dari 2013 hingga 2017, nama-nama syarikat pengimport utama yang diberi Permit Import, kuota import yang dibenarkan untuk setiap pengimport utama dan jelaskan dasar dan cara Kerajaan dalam menentukan dan mengagihkan kuota-kuota pengimportan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah kuota import susu cair bagi tempoh 2013 hingga 2017 adalah melebihi 89 juta liter berdasarkan 110 permohonan syarikat yang diluluskan. Pecahan kuantiti import susu cair dan jumlah syarikat yang telah diluluskan mengikut tahun adalah seperti berikut:

- Tahun 2013 : 16.6 juta liter (13 syarikat);
- Tahun 2014 : 13.9 juta liter (14 syarikat);
- Tahun 2015 : 18.2 juta liter (21 syarikat);
- Tahun 2016 : 17.3 juta liter (26 syarikat); dan
- Tahun 2017 : 23.4 juta liter (36 syarikat).

Jumlah kuota import yang diluluskan bagi daging lembu bagi tempoh 2013 hingga 2015 adalah melebihi 171 ribu MT berdasarkan 299 permohonan syarikat yang diluluskan. Pecahan kuantiti import daging lembu yang telah diluluskan mengikut tahun adalah seperti berikut:

- Tahun 2013 : 40 ribu MT (95 syarikat);
- Tahun 2014 : 70 ribu MT (101 syarikat); dan
- Tahun 2015 : 61 ribu MT (103 syarikat).

Kawalan kuota import terhadap daging lembu telah diliberalisasi bermula pada 28 Januari 2016 bagi memastikan bekalan sentiasa mencukupi. Selepas liberalisasi, pada tahun 2016, sebanyak 29 ribu MT daging lembu telah diimport oleh 176 syarikat dan pada tahun 2017, sebanyak 31 ribu MT daging lembu telah diimport oleh 195 syarikat.

168

SOALAN : 373

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN ONG KIAN MING (SERDANG)

RUJUKAN : 10745

SOALAN :

PR-1361-T02015

Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah pelarian Syria yang telah diberikan status sementara di Malaysia di bawah Program Penempatan Sementara untuk Migran Syria sejak diumumkan oleh Perdana Menteri pada Perhimpunan PBB pada tahun 2015.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Sepertimana yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa berucap di Sesi ke-70 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York, Amerika Syarikat pada 1 Oktober 2015, Malaysia akan menerima 3,000 orang migran Syria atas dasar perikemanusiaan dalam tempoh 3 tahun mulai 2015 sehingga 2018. Pengambilan migran Syria sejak tahun 2015 adalah melalui pengambilan daripada negara hos dan juga pengambilan dengan inisiatif sendiri termasuk mereka yang telah sedia ada di Malaysia bagi mencapai sasaran yang telah ditetapkan.

Bagi tujuan pendaftaran, migran Syria perlulah melalui proses tapisan keselamatan dan saringan kesihatan yang akan dikendalikan di bawah Operasi Pasukan Petugas Khas (PPK) Program Penempatan Sementara Migran Syria (PPSMS). Proses tapisan dan saringan ini adalah bertujuan bagi memastikan peserta yang akan menyertai PPSMS tidak akan memberikan impak negatif kepada keselamatan dan ketenteraman awam.